



PEKELILING UNIT INTEGRITI BIL. 1/2021

**SEMUA WARGA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

TATACARA PELAKSANAAN DASAR PEMBERI MAKLUMAT 2019

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Unit Integriti (UI) telah mengemaskini dan membuat penambahbaikan kepada Dasar Pemberi Maklumat UKM 2019 bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan Dasar ini dengan perkara-perkara berikut:

- i. Penamaan pelindung kepada pemberi maklumat;
- ii. Jenis perlindungan yang boleh diberikan;
- iii. Proses bagi pemberi maklumat mendapatkan perlindungan sekiranya beliau layak dilindungi.

3. Tatacara Pelaksanaan Dasar Pemberi Maklumat 2019 ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil.20/2020 pada 8 Disember 2020 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil.1/2021 pada 17 Januari 2021. Sehubungan itu, berikut adalah kaedah pelaksanaan perlindungan pemberi maklumat di UKM:

- i. Sekiranya pemberi maklumat memilih untuk dilindungi oleh Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, Ketua Unit Integriti akan merujuk pemberi maklumat tersebut kepada Unit Perlindungan Pemberi Maklumat SPRM atau mana-mana penguatkuasa yang melaksanakan Akta tersebut untuk tindakan selanjutnya.
- ii. Pemberi Maklumat yang tidak layak dilindungi di bawah Akta ini akan dilindungi di bawah Dasar Pemberi Maklumat UKM 2019 berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan.



UNIT INTEGRITI


Aras 5, Bangunan Canselori, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 3182/3139/5008 E-mel: integriti@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/integriti

4. Tatacara ini merangkumi perkara-perkara berikut:
- i. Pendaftaran dan tatacara penerimaan maklumat serta tempoh masa tindakan;
 - ii. Tanggungjawab Ketua Unit Integriti;
 - iii. Remedi jika pemberi maklumat diberikan tindakan memudaratkan;
 - iv. Pembatalan perlindungan;
 - v. Pematuhan tatacara;
 - vi. Carta alir dan proses kerja.

Kerjasama dan perhatian daripada pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian terima kasih.

Yang benar,



HAIRUZZAKI MOHD. YUSOFF
Ketua
Unit Integriti

- s.k
- Pengerusi UKM
 - Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni dan Masyarakat)
 - Pendaftar
 - Penasihat Undang-Undang
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan

berlampir

rb/HMY - Pekeliling



UNIT INTEGRITI

Aras 5, Bangunan Canselori, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 3182/3139/5008 E-mel: integriti@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/integriti

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my

1. PENDAHULUAN

Tatacara ini dikeluarkan sebagai garis panduan pelaksanaan kepada Dasar Pemberi Maklumat (DPM) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 2019 untuk memberikan perlindungan yang sewajarnya kepada warga UKM dan pihak yang berkepentingan yang telah memberikan maklumat berkaitan pelanggaran integriti, tatatertib dan jenayah di UKM.

2. OBJEKTIF

Tatacara ini dikeluarkan sebagai garis panduan untuk pelaksanaan Dasar Pemberi Maklumat UKM 2019 seperti berikut:-

- 2.1 Menyediakan saluran aduan untuk warga UKM dan pihak yang berkepentingan untuk mendedahkan sebarang kelakuan pelanggaran integriti, tatatertib dan jenayah oleh warga UKM dan pihak berkepentingan yang boleh menjejaskan reputasi UKM secara keseluruhan.
- 2.2 Menyediakan proses kerja yang jelas dan telus supaya pendedahan maklumat dapat diuruskan dengan cara yang berkesan dan dalam jangka masa yang sesuai.
- 2.3 Memberikan perlindungan yang sesuai kepada pemberi maklumat yang layak daripada sebarang ancaman dan tindak balas termasuk merahsiakan identiti pemberi maklumat dan kandungan maklumat yang telah diberikan.

3. TAKRIFAN

3.1 Ketua Unit Integriti

Mana-mana pegawai yang dilantik dan ditugaskan sebagai Ketua Unit Integriti UKM.

3.2 Pegawai Unit Integriti UKM

Pegawai yang dilantik dan ditugaskan di Unit Integriti UKM untuk menjalankan fungsi-fungsi teras seperti yang termaktub di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013.

3.3 Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Merujuk kepada Dekan, Pengarah dan Ketua kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) di UKM.

3.3 Maklumat

Merujuk kepada maklumat perlakuan pelanggaran integriti yang bersifat menyalahi tata tertib atau jenayah seperti yang termaktub di dalam Akta Badan Berkanun (Akta 605), Akta Universiti dan Kolej Universiti (1971) Akta SPRM 2009 (Akta 694) dan Kanun Keseksaan (Akta 574) serta mana-mana undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa di UKM.

4. PEMAKAIAN

Tatacara ini dikeluarkan sebagai pelengkap kepada Dasar Pemberi Maklumat UKM 2019.

5. TATACARA

Sekiranya pemberi maklumat bersetuju untuk dilindungi di bawah DPM ini, Unit Integriti UKM hendaklah mengambil tindakan-tindakan berikut:-

- 5.1 Memastikan maklumat yang diterima menunjukkan satu kesalahan pelanggaran integriti yang bersifat menyalahi tata tertib atau jenayah telah dilakukan. Menentukan identiti sasaran, tarikh, masa, tempat kejadian dan kesalahan spesifik yang dilakukan, supaya tindakan selanjutnya dapat diambil.
- 5.2 Memastikan pemberi maklumat faham berkaitan syarat-syarat dan terma-terma yang terdapat di dalam DPM.
- 5.3 Mendaftarkan pemberi maklumat di dalam Borang Perlindungan Pemberi Maklumat UKM. (**Rujuk Lampiran 2 (I)**).
- 5.4 Perlindungan akan diberikan **secara automatik** setelah pemberi maklumat didaftarkan di dalam Borang Perlindungan Pemberi Maklumat UKM.

- 5.5 Perlindungan berkaitan maklumat yang didedahkan akan diberikan sehingga pemberi maklumat bersara atau berhenti daripada perkhidmatan di UKM atau dibatalkan perlindungan sepertimana di perkara 8.
- 5.5 Sekiranya pemberi maklumat memilih untuk dilindungi oleh Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, Ketua Unit Integriti hendaklah merujuk pemberi maklumat tersebut kepada Unit Perlindungan Pemberi Maklumat SPRM atau mana-mana penguatkuasa yang melaksanakan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 untuk tindakan selanjutnya.

6. TANGGUNGJAWAB KETUA UNIT INTEGRITI UKM KEPADA PEMBERI MAKLUMAT

Ketua Unit Integriti UKM bertanggungjawab memberikan perlindungan sepenuhnya kepada pemberi maklumat yang berdaftar dan Naib Canselor boleh dimaklumkan tentang perkara ini. Ketua Unit Integriti hendaklah melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:-

- 6.1 Hendaklah merahsiakan identiti pemberi maklumat dan kandungan maklumat yang diberikan serta ianya tidak boleh didedahkan kepada sesiapa pun termasuk semasa pendengaran kes disiplin/tatatertib dan perbicaraan di mahkamah.
- 6.2 Sekiranya pemberi maklumat perlu ditukarkan bagi mengelakkan tindakan yang memudaratkan oleh mana-mana pihak yang berkaitan, Ketua Unit Integriti boleh meminta kepada Pendaftar UKM untuk menetapkan penempatan baru yang sesuai bagi pemberi maklumat tersebut.
- 6.3 Bagi kes pemberi maklumat tidak boleh ditukarkan, Surat Arahan Pemberi Maklumat Tidak Boleh Diganggu perlu diberikan kepada pihak yang berkaitan.

- 6.4 Hendaklah memastikan pemberi maklumat tidak boleh dikenakan apa-apa tindakan sivil, jenayah, atau tata tertib akibat daripada pendedahan tersebut oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) atau mana-mana pihak lain di UKM.
- 6.5 Hendaklah memastikan pemberi maklumat dilindungi daripada sebarang tindakan yang memudaratkan hasil tindak balas pendedahan yang telah dibuat.
- 6.6 Perlu memastikan perlindungan turut diberikan kepada mereka yang mempunyai kaitan dan hubungan dengan pemberi maklumat seperti rakan sekerja sekiranya perlu.
- 6.7 Ketua Unit Integriti akan memaklumkan kepada pemberi maklumat mengenai hasil siasatan dan tindakan-tindakan yang telah akan diambil ke atas pelaku kelakuan pelanggaran integriti tersebut.
- 6.8 Sekiranya Ketua Unit Integriti dilihat pada bila-bila masa ada konflik kepentingan dengan pemberi maklumat atau mana-mana pegawai yang terlibat dengan maklumat yang diberikan, maka peranan tersebut akan diambil alih oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) atau mana-mana wakil yang dilantik secara rasmi oleh beliau.

7. JIKA PEMBERI MAKLUMAT DIAMBIL TINDAKAN YANG MEMUDARATKAN

Sekiranya terdapat tindakan diambil terhadap pemberi maklumat berdaftar kerana pendedahan mengenai pelanggaran integriti tersebut, maka pemberi maklumat mestilah dengan kadar segera melaporkan kepada **Ketua Unit Integriti** mengenai perkara tersebut.

7.1 Contoh Tindakan yang Memudaratkan :-

- i. Tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan, atau kerosakan.
- ii. Ugutan atau gangguan.

- iii. Gangguan terhadap pekerjaan sah termasuk diskriminasi, arahan perpindahan, penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, layanan buruk, pengambilan tindakan tatatertib, dan lain-lain.
 - iv. Sesuatu ancaman untuk mengambil tindakan.
- 7.2 Unit Integriti perlu menyiasat aduan tindakan yang memudaratkan tersebut. Sekiranya tindakan-tindakan yang diterima oleh pemberi maklumat berdaftar tersebut dilihat serius dan bersifat jenayah, Ketua Unit Integriti boleh mencadangkan supaya pemberi maklumat tersebut membuat aduan kepada agensi penguatkuasa.
- 7.3 Sekiranya dapat dibuktikan gangguan terhadap pekerjaan sah termasuk diskriminasi, penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, layanan buruk, pengambilan tindakan tatatertib, dan lain-lain dilakukan terhadap pemberi maklumat yang berdaftar, Ketua PTJ tempat pemberi maklumat berdaftar tersebut akan dipanggil untuk penjelasan dan akan diberikan surat tunjuk sebab.

8. PEMBATALAN PERLINDUNGAN

Ketua Unit Integriti UKM berhak membatalkan perlindungan kepada seseorang pemberi maklumat apabila dapat dibuktikan:-

- i. Pemberi maklumat itu sendiri telah turut melakukan pelanggaran integriti atau jenayah tersebut.
- ii. Pemberi maklumat telah mendedahkan maklumat yang telah diberikan atau mendedahkan perlindungan yang diberikan kepadanya kepada mana-mana pihak lain.
- iii. Pemberi maklumat dengan sengaja telah memberikan maklumat yang palsu. Dalam hal ini tindakan tatatertib boleh dikenakan kepada pemberi maklumat sekiranya terbukti bersalah.
- iv. Pendedahan pelanggaran integriti itu adalah sesuatu yang remeh dan menyusahkan.

- v. Pendedahan pelanggaran integriti itu adalah mempersoalkan merit dasar kerajaan termasuk dasar dan polisi UKM.
- vi. Jika perlindungan pemberi maklumat telah dibatalkan, hendaklah dimaklumkan pemberi maklumat notis bertulis yang bermaksud sedemikian.

9. PEMATUHAN TATACARA


- 9.1 Tatacara ini merupakan *Standard Operating Procedure (SOP)* Perlindungan Pemberi Maklumat UKM.
- 9.2 Tatacara ini hendaklah dibaca bersama Prosedur Pengurusan Aduan UKM dan Dasar Pemberi Maklumat UKM 2019 dan boleh merujuk kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2009 Akta 711.
- 9.3 Pegawai dan Staf di Unit Integriti UKM yang terlibat dengan proses Tatacara Pelaksanaan Pemberi Maklumat UKM adalah tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi 1972 dan *Non-Disclosure Agreement (NDA)* yang dilaksanakan sebagai kawalan dalaman.
- 9.4 Mana-mana warga UKM yang tidak mematuhi Tatacara Pelaksanaan Pemberi Maklumat UKM ini boleh dianggap ingkar arahan dan boleh dikenakan tindakan tatatertib yang sewajarnya.
- 9.5 Pematuhan tatacara ini adalah dianggap sah dan berkuatkuasa sehingga dipinda atau diganti dengan satu tatacara atau polisi yang baharu.
- 9.6 Carta Alir Pendaftaran Tatacara Pelaksanaan Dasar Pemberi Maklumat UKM 2019 dan Siasatan Tindakan Memudaratkan adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

10. TARIKH KUATKUASA

Tatacara ini adalah berkuat kuasa bermula pada 1 Januari 2021.

PENDAFTARAN

SIASATAN TINDAKAN MEMUDARATKAN





**BORANG PENDEDAHAN
MAKLUMAT KELAKUAN TIDAK WAJAR
DIBAWAH DASAR PEMBERI MAKLUMAT UKM**

No.Rujukan:.....

Borang ini adalah khas untuk pendedahan kali pertama kepada Unit Integriti UKM. Borang ini tidak perlu diisi sekiranya kelakuan tidak wajar ini pernah didedahkan kepada mana-mana pihak lain.

A. BUTIR-BUTIR PERIBADI PEMBERI MAKLUMAT

1	Nama		
2	No. Kad Pengenalan/ No.Tentera/ Pasport) (Lampirkan salinan)		
3	Jantina		
4	Bangsa		
5	Alamat Surat-Menyurat		
6	No.Telefon	Rumah:	Pejabat:
		Bimbit:	
7	Bahasa Pertuturan		
8	Nama Penterjemah		
9	Alamat Emel		
10	Pekerjaan		
11	Nama dan Alamat Majikan		
12	No.Telefon Majikan	Telefon:	Fak:

SULIT

B. BUTIRAN INDIVIDU YANG DIADU MELAKUKAN KELAKUAN TIDAK WAJAR

(Walaupun tiada maklumat orang yang diadu siasatan tetap akan dijalankan)

1(a)	Nama Individu Yang Diadu (jika diketahui)	
	No.Kad Pengenalan/ No. Tentera/ Pasport (jika diketahui)	
	Jawatan Individu yang Terlibat (jika diketahui)	
	Nama Jabatan/ Agensi/ Syarikat (jika diketahui)	
	Hubungan Pemberi Maklumat dengan orang yang diadu	
1(b)	Nama Individu Yang Diadu (jika diketahui)	
	No.Kad Pengenalan/ No. Tentera/ Pasport (jika diketahui)	
	Jawatan Individu yang Terlibat (jika diketahui)	
	Nama Jabatan/ Agensi/ Syarikat (jika diketahui)	
	Hubungan Pemberi Maklumat dengan orang yang diadu	
1(c)	Nama Individu Yang Diadu (jika diketahui)	
	No.Kad Pengenalan/ No. Tentera/ Pasport (jika diketahui)	
	Jawatan Individu yang Terlibat (jika diketahui)	
	Nama Jabatan/ Agensi/ Syarikat (jika diketahui)	
	Hubungan Pemberi Maklumat dengan orang yang diadu	

SULIT

C. MAKLUMAT KELAKUAN TIDAK WAJAR

(Maklumat lengkap dinyatakan dan sila kemukakan dokumen berkaitan jika ada)

2	Tarikh		Masa	
	Tempat			
	Ringkasan Kejadian			

3	<p>Adakah Anda Pernah Melaporkan Perkara Ini Kepada Pihak Lain?</p> <p>Jika YA nyatakan:-</p> <p>(i) Agensi/Jabatan Yang Telah Menerima Laporan.....</p> <p>(ii) Nama Pegawai Yang Telah Menerima Laporan.....</p> <p>(iii) Tarikh Laporan Dibuat.....</p> <p>(iv) Apa Tindakan Yang Telah Diambil Oleh Agensi/Jabatan Berkenaan</p> <p>(v) Adakah Anda Telah Diberikan Perlindungan Oleh Agensi/Jabatan Berkenaan (YA/TIDAK).</p>
---	--

D. PENGAKUAN

1. Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan dalam borang ini adalah benar.
2. Saya faham bahawa dengan menandatangani borang ini saya dan mana-mana orang yang mempunyai hubungan rapat dengan saya akan mendapat perlindungan sepertimana yang dinyatakan di dalam Tatacara Pelaksanaan Dasar Pemberi Maklumat UKM 2019.
3. Saya faham sekiranya pendedahan ini didapati palsu atau melanggar mana-mana peruntukkan di Tatacara Pelaksanaan Dasar Pemberi Maklumat UKM 2019, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib dan perlindungan terhadap saya akan dibatalkan.
4. Saya **bersetuju/tidak bersetuju** supaya maklumat ini dimajukan kepada Jabatan lain yang berkenaan untuk disiasat sekiranya pendedahan ini bukan dibawah bidang kuasa Unit Integriti UKM.
5. Saya tidak bersetuju supaya maklumat ini disalurkan kepada Agensi Penguatkuasa lain kerana:

.....

.....

.....

.....

(gunakan lampiran sekiranya ruangan tidak mencukupi)

SULIT

PEMBERI MAKLUMAT

Tandatangan:.....

Nama:.....

Tarikh:.....

PEGAWAI UNIT INTEGRITI

Tandatangan:.....

Nama:.....

Tarikh:.....

PERAKUAN KETUA UNIT INTEGRITI

<input type="checkbox"/>	Layak mendapat perlindungan
<input type="checkbox"/>	Tidak layak mendapat perlindungan kerana.....
<input type="checkbox"/>	Perlu ditukarkan ke PTJ lain kerana.....
<input type="checkbox"/>	Salur maklumat kepada Jabatan/Agensi.....

Tandatangan :.....

Nama :.....

Cop Rasmi Jawatan :.....

Tarikh :.....